

| | | | | | | | |
|--|---|-------------|--------------------|---------|------------|--------|-----------------------|
|  MDBG | <p>BAHAGIAN PELESENAN JABATAN PELESENAN DAN PENGUATKUASAAN MAJLIS DAERAH BATU GAJAH JALAN HAJI ABDUL WAHAB, 31000 BATU GAJAH.</p> | | | | | | |
| SYARAT-SYARAT PELESENAN ANJING | | | | | | | |
| Borang / MDBG / JP – 35 | <table border="1"> <tr> <td>No. Telefon</td><td>05-3632020-3632030</td></tr> <tr> <td>No. Fax</td><td>05-3665930</td></tr> <tr> <td>E-mail</td><td>pelesenan@mdbg.gov.my</td></tr> </table> | No. Telefon | 05-3632020-3632030 | No. Fax | 05-3665930 | E-mail | pelesenan@mdbg.gov.my |
| No. Telefon | 05-3632020-3632030 | | | | | | |
| No. Fax | 05-3665930 | | | | | | |
| E-mail | pelesenan@mdbg.gov.my | | | | | | |

1. Lesen ini akan **tamat** pada
2. Semua anjing yang berumur 3 bulan ke atas hendaklah dilesenkan.
3. Semua anjing baka “**Mongrel**” dan “**Mixbreed**” yang berumur **5 bulan ke atas** perlu **dikembirikan/dimandulkan**.
4. Bayaran Lesen Anjing **RM 10.00 (1 tahun)** bagi setiap ekor anjing. Setiap lesen yang hilang, pemunya anjing hendaklah mendapatkan lesen yang lain daripada Majlis Daerah Batu Gajah dan dikenakan caj sebanyak RM 10.00.
5. Sekiranya tiada lencana lesen pada anjing, pihak Majlis beranggapan anjing tersebut tidak berlesen dan boleh disita mengikut peruntukan di bawah **UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING (MAJLIS DAERAH BATU GAJAH) 1985**.
6. Lencana logam yang dikeluarkan oleh Majlis Daerah Batu Gajah hendaklah digantungkan di leher anjing pada setiap masa.
7. Jika terdapat pertukaran pemunyaan seekor anjing berlesen, pemilik yang baru hendaklah dalam tempoh satu bulan dari pertukaran itu memberitahu Pihak Berkuasa Melesen. Bayaran pendaftaran pertukaran sebanyak RM 10.00 akan dikenakan bagi setiap ekor anjing.
8. Jika anjing berlesen yang dipelihara mati/hilang hendaklah memberitahu secara bertulis kepada Pihak Berkuasa Melesen.
9. Semua anjing hendaklah disuntik bagi mencegah penyakit dengan ubat pencegah (vaccination DALD + PV) OLEH Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau mana-mana Doktor Veterinar yang bertauliah.
10. Rumah anjing hendaklah diselenggarakan dalam **keadaan bersih dan sempurna pada setiap masa**.
11. Pemilik anjing berlesen hendaklah memastikan bahawa anjing itu diberi makan dan diselenggara dengan sempurna.

12. Pemilik anjing hendaklah bertanggungjawab untuk memastikan anjing **tidak menyalak yang tidak berhenti-henti, merayau di luar kawasan premis, menggigit atau mengganggu orang awam** di tempat awam.
13. Pemilik anjing berlesen hendaklah **mengambil segala langkah** yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu **tidak membuang najis atau kencing di tempat awam**.
14. Anjing hendaklah **sentiasa berikat** dan **memakai sarung mulut (muzzle)** apabila dibawa keluar dari tempat ianya biasa dipelihara/disimpan.
15. Pemilik anjing berlesen hendaklah memastikan anjing miliknya tidak berkeliaran di luar premisnya.
16. Anjing tidak boleh dipelihara di rumah pangsa atau di tingkat yang lebih tinggi daripada tingkat bawah sesuatu bangunan.
17. Hanya **2 ekor anjing** sahaja yang boleh dipelihara di premis yang mempunyai keluaan 1000 meter persegi atau kurang.
18. Bagi premis yang mempunyai keluasan melebihi (>) 1000 meter persegi, hanya 4 ekor anjing sahaja dibenarkan.
19. Mana-mana anjing yang didapati lepas bebas di tempat awam, berpenyakit, dipelihara tanpa dilesenkan, menimbulkan kacau ganggu kepada orang lain atau anjing dipelihara di tempat yang tidak dibenarkan, ia akan dirampas, ditangkap dan dilupuskan.
20. Pemilik anjing yang gagal mematuhi syarat-syarat di atas akan dikenakan Tindakan undang-undang di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Batu Gajah), 1985.
21. Majlis Daerah Batu Gajah berhak pada bila-bila masa memberi arahan menghentikan serta membatalkan Lesen Anjing ini tertakluk sekiranya berlaku pertikaian atau isu yang timbul terhadap pemeliharaan anjing tersebut dan perlanggaran syarat-syarat yang dikenakan.
22. Lesen ini tidak boleh dipindahmilik tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua, Majlis Daerah Batu Gajah dan wajib mematuhi segala arahan, perintah lain-lain syarat Majlis Daerah Batu Gajah dari masa ke semasa.
23. Pihak Majlis Daerah Batu Gajah berhak untuk meminda atau menambah apa ju syarat, arahan, perintah dan lain-lain peraturan yang telah dinyatakan di atas tertakluk kepada arahan dan keperluan semasa MDBG.

Tarikh : 02 SEPTEMBER 2024